

17 NOV 1998

APEC-BERITA-CHINA/I

CHINA JUGA MERASA PERLU UTK KAWAL SELIA MODAL JANGKA PENDEK

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Malaysia dan China bersetuju terhadap keperluan untuk mengadakan kawal selia yang sempurna bagi aliran modal jangka pendek, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah hari ini.

"Terdapat persetujuan antara ketua-ketua kedua negara tentang keperluan untuk mengadakan pengawalan (dagangan matawang) seumpama itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dua hala Malaysia-China di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden China Jiang Zemin di acara sampingan Sidang Kemuncak Apec yang bermula di sini, hari ini.

Rafidah berkata Dr Mahathir menjelaskan kepada pemimpin China itu mengenai langkah-langkah ekonomi Malaysia untuk menangani krisis ekonomi dan kesan positif yang diperolehi daripadanya.

Beliau menyifatkan mesyuarat dua hala itu sebagai "baik".

Rafidah berkata Jiang memberitahu Dr Mahathir mengenai prestasi ekonomi semasa China dan jangkaan pertumbuhan lapan peratus negara itu pada tahun depan.

Pemimpin China itu juga memaklumkan mengenai masalah banjir besar di China yang serba sedikit menjejaskan negaranya.

Kedua-dua ketua itu juga membincangkan mengenai peranan yang dimainkan oleh Majlis Pemasihat Perniagaan Apec (Abac), katanya.

-- BERNAMA

RIZ ZK MA